

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: Sunday, September 10, 2017 4:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Roslee bin Mardan
Subject: SQS ONLINE : SQS TETAP PILIHAN PELAJAR



**Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif**

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

10 SEPTEMBER 2017 | 19 ZULHIJJAH 1438H

Oleh : En. Roslee Mardan

SQS TETAP PILIHAN PELAJAR



SQS ONLINE : Sesi pendaftaran pelajar baharu Universiti Utara Malaysia pada 5 September 2017 bagi sesi kemasukan semester A171 (2017/2018) menyaksikan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) menerima seramai 232 orang pelajar baharu. Daripada jumlah tersebut seramai 109 orang adalah pelajar yang mengambil program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Pemutusan), 64 orang mengambil program Ijazah Sarjana Muda

Sains dengan Keupujian (Matematik Perniagaan) manakala 59 orang memilih program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Statistik Industri).

Semua pelajar baharu SQS diraikan dalam Sesi Bersama Pusat Pengajian yang telah diadakan di Dewan Kuliah Gugusan (DKG 4/1) Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC).

Dekan SQS, Yang Berusaha Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar baharu SQS. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pelajar yang telah memilih program-program pengajian di SQS. Ujar beliau, keputusan untuk memilih UUM sebagai tempat menyambung pengajian merupakan pilihan tepat kerana UUM salah sebuah Universiti Awam yang terbaik. Namun begitu, walaupun berada di sebuah Universiti yang cemerlang, ia belum menjamin kejayaan seseorang pelajar sekiranya pelajar tidak berusaha dalam pengajian mereka. Beliau turut berharap agar pelajar baharu SQS dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus serta menumpukan perhatian kepada pengajian. Ujarnya lagi, selain cemerlang dalam akademik, pelajar juga hendaklah aktif dalam aktiviti yang meningkatkan kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Ia penting bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan dapat memenuhi keperluan industri. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Dr. Nerda Zura Zaibidi, Timbalan Dekan SQS.

Sementara itu, pelajar yang ditemui Muhammad Alditya sangat teruja dengan kejayaan memasuki UUM. Beliau yang berasal dari Indonesia memilih program Ijazah Sarjana Sains dengan Keupujian (Sains Pemutusan) kerana yakin bahawa ilmu yang diperolehi melalui program ini akan membantunya dalam kerjaya masa hadapan. Ditanya mengenai UUM, Alditya berkata "ramai rakan saya yang telah belajar di UUM dan saya diberitahu bahawa UUM sangat bagus".

Bagi Kaveen Dameon A/L Mahendran pula, keputusannya memilih program Ijazaha Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) adalah kerana minatnya dalam bidang Statistik dan berazam untuk memperolehi ijazah sarjana muda kelas pertama. Sementara itu, Siti Nurzawani Mohd Zakri yang ditemui melahirkan rasa gembira kerana hasratnya memasuki UUM tercapai. Nurzawani yang merupakan anak kepada seorang peniaga mengetahui bahawa UUM adalah sebuah universiti yang menyediakan kemudahan prasarana yang sangat baik dan kondusif untuk pembelajaran. Beliau berharap akan dapat menamatkan pengajiannya di UUM dengan cemerlang. Program Bersama Pusat Pengajian tersebut turut dihadiri oleh staf akademik SQS yang akan bertindak sebagai Mentor kepada pelajar sepanjang pengajian.

Habis.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.